BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 02/02/51 (BN) **Embargo: Untuk disiarkan secara langsung**

Siaran Akhbar

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Ekonomi Malaysia pada Suku Keempat Tahun 2001

Tinjauan Keseluruhan

Keadaan ekonomi pada keseluruhannya bertambah baik pada suku keempat tahun 2001. KDNK benar meningkat sebanyak 1.4% berbanding suku ketiga. Berbanding dengan tahun sebelumnya, KDNK mencatatkan kemerosotan yang kecil sebanyak 0.5% berbanding dengan –1.2% pada suku ketiga. Prestasi yang lebih baik ini adalah didorong oleh perbelanjaan rangsangan fiskal yang tinggi dan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh di samping pemulihan yang beransur-ansur dalam permintaan luar negeri. Lain-lain perkembangan positif pada suku keempat termasuklah kadar kejatuhan eksport, import dan pengeluaran perkilangan yang lebih sederhana.

2. Hasilnya, KDNK benar bagi tahun 2001 kekal positif, meningkat sebanyak 0.4%. Petanda-petanda kehadapan menunjukkan bahawa ekonomi berada di peringkat awal pemulihan. Ekonomi dijangka akan bertambah kukuh pada tahun 2002 sejajar dengan pengukuhan permintaan dalam negeri dan pemulihan keadaan ekonomi global. Penunjuk pelopor, yang memberi petunjuk awal mengenai hala tuju ekonomi, meningkat sebanyak 5.2% pada bulan November tahun 2001. Kadar pertumbuhan yang positif dalam indeks tersebut bagi lima bulan berturut-turut sejak bulan Julai 2001 menyokong prospek pemulihan ekonomi.

3. Secara keseluruhannya, perkembangan di luar negeri sejak bulan Disember telah memberi kesan positif pada pertumbuhan ekonomi global. Tindak balas dasar yang pantas di seluruh dunia selepas 11 September dan penyelesaian segera konflik Asia Barat telah membantu memulihkan keyakinan pengguna dan perniagaan. Di Amerika Syarikat, perbelanjaan pengguna telah meningkat semula dengan kukuh. Pengguna telah memberi reaksi yang memberangsangkan terhadap insentif jualan apabila pendapatan boleh guna yang bertambah berikutan pemotongan cukai telah disokong oleh kadar faedah dan harga tenaga yang lebih rendah. Pasaran saham juga pulih untuk membendung kemerosotan dalam kekayaan. Pemulihan keyakinan tersebut telah meredakan kebimbangan terhadap risiko yang keadaan luaran akan menjadi lebih lemah. Industri elektronik global juga mula menunjukkan kitaran pemulihan seperti yang dapat dilihat melalui peningkatan yang lebih kukuh dalam permintaan pada suku keempat tahun 2001. Hasilnya, keluaran perkilangan telah pulih semula dan penunjuk guna tenaga bertambah baik. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko dalam pemulihan ekonomi Amerika Syarikat berikutan wujudnya kelemahan dalam sektor korporat dari segi keuntungan dan keadaan kredit.

4. Keadaan luar negeri yang semakin baik ini telah diperkukuhkan lagi oleh perkembangan di dalam negeri yang positif. Kesan kumulatif beberapa siri langkah fiskal yang diumumkan sebelum dan selepas 11 September serta proses pembayaran perbelanjaan Kerajaan yang dipercepatkan telah memberi kesan yang positif terhadap sektor korporat dan isi rumah. Perbelanjaan pembangunan (dalam nilai nominal) juga meningkat sebanyak 29.1% dan penggunaan awam sebanyak 16.2% (suku ketiga: 12.9%). Arah aliran ini telah menyederhanakan kemerosotan dalam pembentukan modal kasar tetap pada suku keempat. Operasi Kerajaan yang mengembang dan musim perayaan pada suku keempat serta pemulihan dalam permintaan luar negeri telah menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 3.5% dalam perbelanjaan pengguna (suku ketiga: 2.1%). Pemulihan dalam permintaan global bagi elektronik dan harga minyak sawit yang lebih tinggi telah membantu menyederhanakan kemerosotan dalam eksport perkilangan dan pertanian.

Carta 1: Ekonomi Malaysia bertambah baik pada S4 2001 ...



Carta 2: Keluaran benar meningkat sebanyak 1.4% berdasarkan pertumbuhan sukuan ...



Carta 3: Di Amerika Syarikat, KDNK benar dan penggunaan swasta bertambah kukuh ...



Carta 4: Dari segi domestik, permintaan dalam negeri disokong oleh perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi



Carta 5: ... kadar faedah yang rendah menyumbang kepada perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh



Carta 6: Di sektor luaran , penurunan dalam eksport keluaran menyederhana ...



Carta 7: Pengukuhan dalam permintaan juga ditunjukkan oleh penyederhanaan penurunan dalam import barangan pengantara



Carta 8: Indeks pelopor menunjukkan pemulihan pada 2002 ...



5. Prestasi ekonomi yang bertambah baik telah dicapai dalam suasana inflasi yang rendah dan keadaan pasaran buruh yang semakin memuaskan. Indeks Harga Pengguna (IHP) menyederhana kepada 1.2%, manakala Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus merosot sebanyak 6.4%. Dalam pasaran buruh, jumlah pekerja yang diberhentikan berkurangan kepada 8,279 orang pada suku keempat (suku ketiga: 13,737 orang) dan jumlah jawatan kosong kekal tinggi. Secara keseluruhannya, pengangguran telah berjaya dibendung di bawah 4% pada tahun 2001.

Perkembangan Sektoral

6. Pada suku keempat tahun 2001, aktiviti dalam **sektor perkilangan** mula menunjukkan tanda-tanda kestabilan manakala pertumbuhan pengeluaran industri-industri berorientasikan pasaran dalam negeri kekal mapan. Mencerminkan perkembangan yang memuaskan dalam sektor eksport, kejatuhan dalam pengeluaran bagi industri-industri dalam sektor berorientasikan eksport adalah lebih rendah pada 14.7% (suku ketiga tahun 2001: -15.5%), manakala penggunaan kapasiti bagi industri-industri berorientasikan eksport meningkat kepada 79% (suku ketiga tahun 2001: 68%). Keadaan dalam dan luar negeri yang bertambah baik telah membendung kejatuhan nilai ditambah sektor perkilangan yang menjadi stabil pada 8.5% pada suku keempat (suku ketiga tahun 2001: –8.4%), manakala penurunan dalam eksport perkilangan menyederhana kepada 12.4% (–20.4% pada suku ketiga).

7. Eksport perkilangan yang bertambah baik dicatat oleh semua subsektor utama. Dengan penyelarasan dalam inventori elektronik dan tempahan dari luar negeri yang bertambah baik, penurunan dalam eksport barangan elektronik Malaysia telah menyederhana kepada 16% daripada 26.5% pada suku ketiga, disokong oleh permintaan yang lebih kukuh daripada segmen pasaran khusus bagi barangan seperti permainan video dan model komputer yang baru. Dalam sektor bukan elektronik, eksport barangan elektrik juga mencatatkan penurunan yang lebih perlahan (–12.6%; suku ketiga tahun 2001: –16.8%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan

dalam permintaan luar negeri terhadap barangan pengguna tahan lama yang lebih bernilai tinggi. Eksport perabot dan keluaran getah juga merosot pada kadar yang lebih perlahan pada suku tersebut, manakala eksport peralatan optikal dan saintifik berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 7.2%.





8. Meskipun terdapat penutupan kilang sempena musim perayaan pada bulan Disember, pertumbuhan pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri kekal mapan pada 6.5% pada suku keempat (suku ketiga tahun 2001: 7.2%). Industri-industri yang mengeluarkan kelengkapan pengangkutan dan keluaran petroleum terus mencatatkan pengembangan dua angka yang kukuh. Pengeluaran bahan-bahan berkaitan pembinaan juga terus berkembang untuk memenuhi permintaan daripada aktiviti-aktiviti yang terus kukuh dalam sektor pembinaan. Penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor berorientasikan pasaran dalam negeri kekal tinggi pada 79% pada suku keempat (suku ketiga tahun 2001: 80%).

9. Mencerminkan kesan positif rangsangan fiskal dan suasana permintaan yang semakin meningkat, nilai ditambah di **sektor perkhidmatan** meningkat dengan kukuh sebanyak 5.5% (suku ketiga: 4.7%). Pertumbuhan adalah menyeluruh dengan subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; dan perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran mencatatkan peningkatan yang ketara. **Sektor pembinaan** juga

mendapat manfaat daripada pembayaran yang dipercepatkan bagi projek di bawah program rangsangan fiskal. Pertumbuhan nilai ditambah di sektor ini kekal mapan, pada 2.5% (suku ketiga tahun 2001: 2.6%).

10. Sektor **perlombongan** dan **pertanian** masing-masing merosot sebanyak 0.4% dan 1.4% pada suku keempat tahun 2001. Bagi sektor perlombongan, penyusutan tersebut adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam pengeluaran minyak mentah (-1%) dan gas asli (-0.9%). Kemerosotan dalam pengeluaran gas adalah disebabkan oleh permintaan yang berkurangan daripada subsektor janakuasa serta kejatuhan dalam permintaan eksport dari Jepun, yang mencakup bahagian terbesar daripada eksport gas asli cecair Malaysia.

11. Di sektor pertanian, pengeluaran getah dan kayu balak mencatatkan kemerosotan yang lebih sederhana pada suku keempat. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak sawit mentah merosot sebanyak 4.1%, iaitu kemerosotan bagi pertama kalinya semenjak suku ketiga tahun 2000 berikutan bermulanya musim kitaran hasil yang rendah. Dengan perkembangan ini dan permintaan luaran yang menggalakan, stok minyak sawit ditutup lebih rendah kepada 1.2 juta tan metrik pada akhir tahun 2001 (akhir tahun 2000: 1.4 juta tan metrik).





Perkembangan Sektor Luaran

12. Meskipun pemulihan dalam aktiviti ekonomi pada lazimnya membawa kepada penguncupan dalam lebihan akaun perdagangan, namun **akaun perdagangan** telah mencatatkan lebihan yang ketara sebanyak RM12.8 bilion pada suku keempat (suku ketiga tahun 2001: RM15.2 bilion). Kecuali bagi eksport galian, pemulihan dalam permintaan sedunia bagi barangan elektronik dan peningkatan harga minyak sawit telah menyebabkan penyederhanaan kadar penurunan bagi eksport perkilangan dan pertanian. Kesemua tiga kategori import utama terus mencatatkan peningkatan berbanding suku sebelumnya.

13. Dalam akaun modal, Malaysia terus menerima aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan portfolio. Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa **aliran masuk kasar pelaburan langsung asing** berjumlah RM3.8 bilion pada suku keempat. Selain daripada aliran masuk untuk aktiviti-aktiviti pengembangan, aliran masuk juga mencerminkan kemasukan pelaburan ekuiti baru bagi tujuan penggabungan strategik dengan rakan perkongsian di Malaysia, termasuk equiti dalam industri automotif. Pada asas bersih, perlaburan langsung asing mencatatkan aliran keluar sebanyak RM4.8 billion pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh satu urus niaga besar yang melibatkan pemerolehan hak pengawalan oleh syarikat pemegang pelaburan pemastautin daripada rakan pengkongsian bukan pemastautin sebagai sebahagian daripada usaha penstrukturan semula korporat. Pemerolehan ini telah dibiayai melalui terbitan sekuriti hutang jangka panjang kepada pelabur-pelabur bukan pemastautin serta pinjaman luar negeri. Hasilnya, ia tidak mempunyai kesan ke atas rizab ataupun pada jumlah aktiviti pelaburan di Malaysia.

14. Walaupun terdapat aliran masuk dana portfolio pada suku ketiga, ketidaktentuan selepas 11 September telah membawa kepada aktiviti pengambilan keuntungan pada bulan Oktober. Seterusnya, aliran masuk meningkat disebabkan oleh sentimen yang bertambah baik dalam prospek

pertumbuhan. Pengambilan keuntungan pada penghujung tahun telah mengakibatkan aliran keluar bersih bagi keseluruhan suku keempat. Tren ini sekali lagi berubah pada dua bulan pertama tahun 2002 apabila akaun portfolio telah mengukuh dengan mencatatkan aliran masuk bersih.

Rizab Antarabangsa

15. Tren menaik rizab berterusan pada suku keempat tahun 2001. Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM4.3 bilion atau AS$1.1 bilion kepada RM117.2 bilion atau AS$30.8 bilion pada akhir bulan Disember 2001, berbanding dengan paras pada penghujung bulan September. Kenaikan rizab diperoleh terutamanya daripada aliran masuk perdagangan dan pengambilan daripada pinjaman luar negeri jangka panjang. Walau bagaimanapun, penyusutan nilai yen dan euro berbanding dengan dolar AS mengakibatkan kerugian penilaian semula mata wang asing yang belum direalisasi sebanyak AS$0.6 bilion berikutan penilaian semula sukuan ke atas rizab yang terkumpul pada 31 Disember 2001.

16. Bagi keseluruhan tahun 2001, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM3.7 bilion atau AS$964 juta daripada paras pada penghujung tahun 2000, selepas mengambil kira kerugian penilaian semula bersih berjumlah kira-kira RM4.1 bilion atau AS$1.1 bilion bagi tahun 2001. Rizab antarabangsa bersih meningkat lagi kepada RM118.6 bilion atau AS$31.2 bilion pada 15 Februari 2002. Paras rizab ini adalah cukup untuk menampung 5.1 kali hutang luar negeri jangka pendek dan membiayai 5.2 bulan import tertangguh.

Hutang Luar Negeri

17. Kedudukan hutang luar negeri Malaysia kekal di paras terkawal pada suku keempat. Di sektor awam, Kerajaan Persekutuan telah mengambil pinjaman bersindiket berjumlah AS$540 juta manakala pinjaman luar negeri oleh Perbadanan Awam Bukan Kerajaan (PABK) digunakan terutamanya untuk pembiayaan semula sebahagian daripada hutang luar negeri sedia ada yang lebih mahal. Sementara itu, kenaikan hutang sektor swasta disebabkan terutamanya oleh satu urus niaga besar yang membabitkan pembelian oleh

sebuah syarikat Malaysia daripada pelabur-pelabur bukan pemastautin menerusi terbitan sekuriti hutang kepada pelabur berkenaan. Hutang jangka pendek kekal rendah, mencakup 13.7% daripada jumlah hutang luar negeri dan 19.9% daripada rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia.

Kadar Pertukaran

18. Pada suku tahun keempat 2001, ringgit meningkat nilai berbanding mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau, selaras dengan prestasi dolar AS di pasaran mata wang antarabangsa. Nilai ringgit meningkat berbanding euro sebanyak 3.3%, berbanding paun sterling sebanyak 1.4% dan berbanding yen Jepun sebanyak 10.1%. Ringgit meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 0.5% ke 7.7%, sementara menyusut nilai berbanding baht Thai sebanyak 0.6%. Kadar pertukaran ringgit terus disokong oleh asas ekonomi yang kukuh dan ketiadaan sebarang ciri-ciri yang boleh melemahkan penetapan kadar ringgit. Kadar pertukaran adalah disokong oleh kedudukan akaun semasa yang kukuh, rizab antarabangsa yang meningkat, inflasi yang rendah, hutang luar negara yang rendah serta sistem perbankan yang kukuh dan bermodal secukupnya.

Perkembangan Fiskal

19. Operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan adalah ketara lebih mengembang pada suku keempat berikutan usaha giat Kerajaan untuk mempertingkatkan kecekapan dalam pembayaran perbelanjaan. Jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 21.1% kepada RM41.7 bilion, yang mana perbelanjaan pembangunan meningkat dengan nyata sebanyak 29.1% pada suku keempat. Hasilnya, kekurangan perbelanjaan Kerajaan telah dibendung pada tahap di bawah 5% daripada peruntukan yang disemak semula. Daripada jumlah ini, sebanyak 41% dibelanjakan pada suku keempat.

20. Defisit fiskal yang lebih besar yang dianggarkan sebanyak RM15.6 bilion telah dibiayai melalui pinjaman dan pengeluaran daripada asset terkumpul Kerajaan. Walaupun hutang berjumlah RM145.8 bilion atau 43.8%

daripada KDNK pada akhir tahun 2001 (36.9% daripada KDNK pada tahun 2000), paras ini masih rendah.

Keadaan Monetari dan Kewangan

21. Keadaan ekonomi yang lebih baik juga dicerminkan oleh pengeluaran pinjaman serta terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) dan ekuiti yang lebih tinggi. Pengeluaran pinjaman mencatatkan peningkatan sukuan yang tertinggi pada tahun 2001 sebanyak RM94 bilion. Dengan terbitan PDS yang lebih tinggi, jumlah pembiayaan sektor swasta melalui berian pinjaman bank dan PDS meningkat sebanyak RM5.8 bilion. Pembiayaan melalui pasaran ekuiti juga meningkadengan ketara. Kesemua enam tawaran awam awal (IPO) yang diterbitkan pada suku ini telah terlebih langganan dan diniagakan pada premium melebihi harga tawaran pada akhir hari pertama urus niaganya.

22. Pada suku keempat tahun 2001, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah menyelesaikan tujuh lagi kes penstrukturan semula hutang yang mempunyai hutang bernilai RM7.8 bilion yang termasuk penyelesaian tiga kes penstrukuturan semula yang bersaiz besar. Proses penstrukturan semula hutang sektor korporat telah dipertingkatkan lagi oleh penyusunan semula operasi yang dijalankan secara pelupusan aset bukan teras dan pengasingan di antara pemilikan dan pengurusan.

23. Pada suku keempat tahun 2001, sejumlah RM7.7 bilion daripada NPL (dari segi hak milik pinjaman yang telah diambil alih) yang dipegang oleh Danaharta telah disusun semula ataupun telah menerima kelulusan untuk disusun semula. Jumlah kumulatif pinjaman tidak berbayar (NPL) yang telah disusun semula ataupun telah menerima kelulusan untuk disusun semula berjumlah RM47.69 bilion ataupun 99.9% daripada jumlah NPL sebanyak RM47.72 billon yang berada di bawah pengurusan Danaharta pada akhir Disember 2001. Dengan ini, Danaharta dijangka akan menumpukan perhatian pula kepada pelaksanaan strategi pemulihan yang telah diluluskan sebelum ini sehingga tarikh penutupan yang disasarkan iaitu pada tahun 2005. Danaharta menjangkakan nisbah pulangan purata pada tahap 56% dengan

andaian bahawa semua kes kemungkiran tidak akan memberi apa-apa pulangan. Satu perkembangan utama pada suku tahun ini adalah penyelesaian pensekuritian pinjaman-pinjaman berbayarnya yang pertama oleh Danaharta melalui sebuah badan tujuan khas, Securita ABS One Berhad (Securita). Usaha pengsekuritian ini melibatkan Securita menerbitkan nota senior bertaraf AAA sebanyak RM310 juta yang disokong oleh pinjaman berbayar bernilai lebih kurang RM595 juta yang telah dijual kepada Securita oleh syarikat-syarikat Kumpulan Danaharta. Dana yang diperoleh daripada pengsekuritian ini akan sebahagiannya digunakan untuk menebus bon-bon Danaharta.

24. Jumlah NPL sistem perbankan terus berada pada tahap yang terkawal. Jumlah NPL bersih dan nisbah NPL bersih masing-masing berada pada tahap RM32.8 bilion dan 8.1% pada akhir Disember 2001. Setakat akhir bulan Januari 2002, nisbah NPL bersih sistem perbankan meningkat kepada 8.4%. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh pengkelasan semula pinjaman-pinjaman yang berada di bawah skim penyusunan semula yang tidak dapat dilaksanakan. Pada suku tahun keempat ini, peningkatan di dalam modal beberapa institusi perbankan untuk mencapai tahap keperluan modal minimum telah menyumbang kepada nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal asas (CCR) sistem perbankan yang bertambah baik. RWCR dan CCR telah masing-masing naik kepada 12.8% dan 10.8% pada akhir Disember 2001.

25. Mencerminkan kededukan sistem perbankan yang bertambah baik, jumlah suntikan modal oleh Danamodal menurun kepada RM2.1 bilion pada akhir bulan Disember 2001 berikutan pengambilalihan kepentingan ekuiti Danamodal di dalam sebuah syarikat kewangan sempena program penggabungan sistem perbankan.

Bank Negara Malaysia
27 Februari 2002

Jadual 1: KDNK Sukuan Mengikut Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2001				
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	13.8	1.9	-2.0	-1.4	2.5
Perlombongan	-0.9	0.8	1.4	-0.4	0.2
Perkilangan	3.7	-6.7	-8.4	-8.5	-5.1
Pembinaan	0.9	3.2	2.6	2.5	2.3
Perkhidmatan	3.4	6.0	4.7	5.5	4.9
KDNK benar (perubahan tahunan)	**3.1**	**0.5**	**-1.2**	**-0.5**	**0.4**
KDNK benar (perubahan berbanding) suku sebelumnya)	**-3.8**	**1.0**	**1.0**	**1.4**	**-**

Jadual 2: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2000				2001			
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**
	Perubahan tahunan %							
Penggunaan	12.7	13.4	6.6	7.8	5.2	2.5	4.4	6.4
Sektor Swasta	*14.5*	*13.4*	*11.3*	*9.9*	*4.1*	*1.6*	*2.1*	*3.5*
Sektor Awam	*3.8*	*13.2*	*-8.0*	*1.3*	*11.5*	*5.9*	*12.9*	*16.2*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	21.0	32.6	32.6	11.3	9.1	0.2	-9.3	-7.2
Export Barangan dan Perkhidmatan	21.0	16.8	19.9	8.3	6.7	-5.9	-16.8	-11.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	25.7	27.7	32.0	12.8	7.5	-8.2	-20.1	-10.4
KDNK	**11.7**	**8.0**	**7.6**	**6.3**	**3.1**	**0.5**	**-1.2**	**-0.5**

Jadual 3: Prestasi Sektor Perkilangan

	2000				2001			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4
	Perubahan tahunan (%)							
Nilai ditambah (RM juta pada harga 1987)	**27.3**	**20.9**	**20.3**	**16.4**	**3.7**	**-6.7**	**-8.4**	**-8.5**
Pengeluaran Keseluruhan	**32.1**	**25.7**	**23.8**	**19.7**	**4.2**	**-7.9**	**-10.5**	**-10.2**
Industri berorientasi eksport	33.0	25.5	24.7	21.3	2.0	-11.4	-15.5	-14.7
di antaranya:								
Bukan berasaskan sumber								
* *Elektronik*	*49.8*	*46.9*	*46.4*	*37.8*	*-1.2*	*-25.3*	*-27.5*	*-23.6*
* *Barangan elektrik*	*32.4*	*28.9*	*32.5*	*22.2*	*8.6*	*3.4*	*-10.4*	*-6.3*
* *Tekstil dan pakaian*	*12.3*	*5.0*	*13.0*	*5.3*	*3.0*	*-9.7*	*-11.4*	*-14.8*
Berasaskan sumber								
* *Bahan kimia dan keluaran kimia*	*25.6*	*17.1*	*10.2*	*9.2*	*-1.6*	*-7.2*	*-8.2*	*-13.3*
* *Pemprosesan di luar estet*	*46.5*	*0.5*	*-2.2*	*15.0*	*10.4*	*13.5*	*4.0*	*3.7*
* *Keluaran getah*	*7.0*	*0.8*	*3.8*	*4.7*	*10.8*	*4.2*	*-0.7*	*-0.4*
* *Kayu dan keluaran kayu*	*2.7*	*1.4*	*6.2*	*5.8*	*12.4*	*1.3*	*-2.0*	*-5.3*
Industri berorientasi dalam negeri	29.2	26.4	20.7	14.1	12.1	4.3	7.2	6.5
di antaranya:								
Bukan berasaskan sumber								
* *Kelengkapan pengangkutan*	*33.8*	*22.8*	*13.2*	*10.9*	*18.9*	*18.4*	*23.2*	*21.5*
* *Keluaran logam yang direka*	*41.8*	*35.8*	*38.2*	*22.6*	*10.6*	*6.4*	*4.7*	*-4.3*
* *Besi dan keluli dan logam bukan ferum*	*30.8*	*24.7*	*15.6*	*0.3*	*9.6*	*-7.3*	*-2.4*	*1.8*
Berasaskan sumber								
* *Keluaran galian bukan logam*	*27.4*	*20.7*	*22.2*	*13.7*	*15.4*	*9.7*	*6.6*	*8.1*
* *Keluaran petroleum*	*15.1*	*39.3*	*15.2*	*12.1*	*21.0*	*8.7*	*18.6*	*30.4*
Eksport Barangan Perkilangan	**20.4**	**18.1**	**23.9**	**7.0**	**3.5**	**-9.1**	**-20.4**	**-12.4**
* Elektronik	18.2	15.1	21.2	7.0	-2.1	-18.5	-26.5	-16.0
- *Separa konduktor*	*9.7*	*4.6*	*9.3*	*10.7*	*15.1*	*-15.1*	*-30.4*	*-22.8*
- *Komponen elektronik*	*24.6*	*24.4*	*31.9*	*4.2*	*-13.6*	*-21.0*	*-23.6*	*-10.5*
* Barangan elektrik	34.7	28.8	33.3	13.8	9.4	6.2	-16.8	-12.6
* Kayu dan keluaran kayu	-5.3	0.4	-2.7	-3.1	-0.5	-9.1	-17.7	-17.4
* Barangan perabot	34.5	24.3	13.1	-5.0	-9.9	-16.2	-16.9	-10.5
* Tekstil, pakaian dan kasut	19.0	7.3	13.2	3.1	-5.1	-8.3	-18.7	-19.6
* Peralatan optikal dan saintifik	27.9	40.9	53.5	39.9	29.9	23.4	3.2	7.2
* Bahan kimia dan keluaran kimia	39.4	46.4	46.6	12.3	21.9	-1.8	-15.9	-2.5
* Keluaran petroleum	147.0	126.5	85.1	19.0	39.5	-2.5	-8.3	-8.0
* Keluaran getah	-6.8	-11.7	-0.2	-10.1	-4.0	0.1	-12.4	-2.4

Jadual 4
Sektor Perkilangan: Penggunaan Kapasiti

Industri	Purata Penggunaan Kapasiti			
	2001			
	S1	S2	S3	S4 [a/]
Jumlah	**78**	**75**	**72**	**79**
Industri berorientasikan eksport	**78**	**70**	**68**	**79**
di antaranya:				
Elektronik	*68*	*67*	*62*	*78*
Barangan elektrik	*87*	*82*	*75*	*82*
Bahan kimia dan keluaran kimia	*96*	*81*	*84*	*83*
Industri berorientasikan pasaran tempatan	**77**	**83**	**80**	**79**
di antaranya:				
Keluaran petroleum	*78*	*77*	*85*	*85*
Keluaran galian bukan logam	*66*	*85*	*64*	*65*
Kelengkapan pengangkutan	*91*	*97*	*96*	*95*

[a/] Awalan

Sumber : Kaji Selidik Sukuan Penggunaan Kapasiti Perkilangan

Jadual 5: Prestasi Sektor Perkhidmatan
(Nilai ditambah dalam RM juta pada Harga 1987)

	2001				
	S1	S2	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan dalam %				
Perkhidmatan pengantara	**4.3**	**10.1**	**5.6**	**6.0**	**6.5**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	6.5	7.8	4.5	2.4	5.2
Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan	2.9	11.6	6.4	8.3	7.3
Perkhidmatan akhir	**2.8**	**3.5**	**4.1**	**5.2**	**3.9**
Elektrik, gas & air	5.1	5.8	7.1	4.5	5.6
Perniagaan borong & runcit, hotel & restoran	1.7	1.8	3.2	6.2	3.3
Perkhidmatan Kerajaan	3.1	7.1	6.1	5.4	5.4
Perkhidmatan lain	3.5	2.3	2.5	3.4	2.9
Jumlah Perkhidmatan	**3.4**	**6.0**	**4.7**	**5.5**	**4.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 6: Prestasi Sektor Perlombongan

	2000				2001			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4
	Perubahan tahunan (%)							
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**3.9**	**5.6**	**2.7**	**0.6**	**-0.9**	**0.8**	**1.4**	**-0.4**
Pengeluaran								
Di antaranya:								
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	1.0	4.1	-5.4	-4.1	-4.2	-2.8	-0.7	-1.0
Gas asli (juta kaki padu)	11.0	10.1	11.5	10.6	5.9	5.2	2.8	-0.9
Eksport (RM juta)	**111.6**	**65.2**	**42.5**	**28.8**	**1.5**	**-3.7**	**-14.9**	**-30.6**
Di antaranya:								
Minyak mentah								
('000 tan metrik)	0.1	-10.9	-8.7	-4.1	-1.7	-4.6	-13.4	-18.0
(AS$/tong)	118.6	78.5	56.2	33.3	3.7	-0.8	-16.4	-36.7
(RM juta)	118.8	59.0	42.6	27.9	2.0	-5.3	-27.7	-48.1
Gas asli cecair								
('000 tan merik)	4.8	-1.0	4.7	-0.1	-4.8	5.0	5.4	-1.9
(RM/tan metrik)	109.5	99.9	59.3	51.8	5.7	1.1	-2.0	-8.8
(RM juta)	119.9	98.0	66.7	51.7	0.6	6.2	3.3	-10.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 7: Prestasi Sektor Pertanian

	2000				2001			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4
	Perubahan tahunan (%)							
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**-0.7**	**-3.7**	**1.7**	**5.0**	**13.8**	**1.9**	**-2.0**	**-1.4**
Pengeluaran [1/]								
Di antaranya:								
Minyak sawit mentah	25.5	-15.7	-2.1	11.8	27.6	17.2	2.4	-4.1
Getah	-29.1	-14.6	-15.5	-18.3	-11.7	-21.8	-6.3	-5.7
Kayu balak	24.8	5.6	1.5	-3.5	-16.3	-14.2	-16.8	-14.8
Koko	-14.4	-17.5	-34.8	9.5	-6.7	-14.6	-11.2	-37.5
Eksport (RM juta)	**-7.0**	**-19.0**	**-17.3**	**-22.7**	**-16.9**	**-17.6**	**-13.3**	**-4.8**
Di antaranya:								
Minyak sawit								
('000 tan metrik)	30.5	-11.9	-16.1	3.1	24.4	36.8	13.5	3.0
(RM/tan metrik)	-42.2	-30.8	-19.5	-30.3	-34.0	-29.8	-6.3	10.8
(RM juta)	-24.5	-39.0	-32.4	-28.1	-17.9	-4.0	6.3	14.1
Getah								
('000 tan metrik)	4.1	-3.0	-0.8	-2.3	-6.5	-18.7	-21.6	-16.5
(Sen/kg)	15.3	18.5	12.5	-3.4	-12.0	-15.1	-10.3	-14.5
(RM juta)	20.1	14.9	11.5	-5.6	-17.7	-31.0	-29.7	-28.6
Kayu balak								
('000 meter padu)	10.4	4.1	-8.5	-16.0	-26.9	-31.7	-24.4	-18.2
(RM/meter padu)	0.8	-3.3	-2.5	-5.6	-7.6	-17.5	-23.8	-20.4
(RM juta)	11.3	0.7	-10.8	-20.7	-32.4	-43.6	-42.4	-34.9

[1/] Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 8: Akaun Perdagangan

	2000				2001			
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**
	Perubahan tahunan dalam %							
Eksport Kasar	22.0	16.8	21.6	5.8	1.7	-8.9	-19.2	-13.2
Perkilangan	*20.4*	*18.1*	*23.9*	*7.0*	*3.5*	*-9.1*	-20.4	-12.4
Pertanian	*-7.0*	*-19.0*	*-17.3*	*-22.7*	*-16.9*	*-17.6*	-13.3	-4.8
Galian	*111.6*	*65.2*	*42.5*	*28.8*	*1.5*	*-3.7*	-14.9	-30.6
Import Kasar	26.7	31.7	33.4	11.5	7.3	-10.3	-22.5	-10.3
Barangan modal	*28.2*	*58.1*	*39.8*	*28.9*	*42.4*	*-5.2*	-24.4	-2.6
Barangan pengantara	*29.1*	*32.0*	*36.3*	*11.8*	*2.1*	*-11.9*	-25.6	-14.7
Barangan penggunaan	*25.1*	*22.0*	*13.7*	*2.8*	*5.0*	*1.5*	-5.8	11.4
Imbangan perdagangan (RM bn)	**16.8**	**12.4**	**15.2**	**17.4**	**13.3**	**12.4**	**15.2**	**12.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 9: Imbangan Pembayaran

	2000	2001			
	S4	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**
	RM juta				
Eksport kasar (f.o.b.)	95,979	86,152	82,826	82,163	83,280
Import kasar (c.i.f.)	78,569	72,806	70,432	66,987	70,467
Imbangan perdagangan	17,410	13,346	12,394	15,176	12,813
Rizab Antarabangsa (akhir tempoh)	113,541	103,279	98,836	112,934	117,203
- bersamaan AS$ juta	29,879	27,179	26,010	29,720	30,843

Jadual 10: Hutang Luar Belum Dijelas

	2001			
	S1	**S2**	**S3**	**S4**
	RM bilion			
Hutang jangka sederhana dan panjang	138.3	139.7	144.4	146.4
Hutang jangka pendek	17.8	18.4	20.4	23.3
Jumlah hutang luar negeri	156.1	158.1	164.8	169.8
- bersamaan AS$ bilion	41.1	41.6	43.4	44.7

Jadual 11: Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2001a									
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	RM bilion					Perubahan tahunan dalam %				
Hasil	14.6	20.7	18.5	25.7	79.6	30.4	24.3	19.8	38.7	28.6
Perbelanjaan mengurus	11.3	13.4	14.3	24.8	63.8	44.8	4.8	-2.3	16.1	12.7
Akaun semasa	3.3	7.4	4.2	1.0	15.8					
Perbelanjaan pembangunan Kasar	5.3	5.7	7.3	16.9	35.2	110.1	-0.1	10.4	29.1	26.1
Terimaan balik pinjaman	0.4	0.1	0.2	0.3	1.0					
Imbangan keseluruhan	-1.6	1.8	-3.0	-15.6	-18.4					
Memo item:										
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	128.9	129.3	138.4	145.8						

a/ Awalan

Jadual 12: Penunjuk Monetari

	2000				2001			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4
	Pertumbuhan tahunan (%-akhir tempoh)							
M1	28.4	13.7	8.3	6.5	5.2	4.4	11.6	3.2
M2	10.1	6.8	4.9	5.2	3.6	3.0	5.0	2.2
M3	6.0	4.1	5.1	5.0	4.5	4.0	5.4	2.8
Pinjaman yang belum dijelaskan[1/]	0.6	2.1	3.6	5.5	5.5	6.0	5.7	3.6
Deposit	3.3	2.3	3.5	3.2	2.8	3.6	4.0	1.8
	Pada suku (RM billion)							
Kelulusan pinjaman	28.9	34.8	36.8	34.4	29.7	31.1	35.3	29.6
Pengeluaran pinjaman	84.1	86.1	91.8	98.8	91.2	93.1	93.6	94.0
Pembayaran balik pinjaman	87.0	78.8	89.8	91.5	89.3	86.2	91.8	96.7
	Pada akhir tempoh (%)							
Kadar antara bank								
1 bulan	2.75	2.69	3.00	3.05	2.99	2.99	2.81	2.97
3 bulan	3.19	3.19	3.29	3.25	3.04	3.00	3.28	3.27
Deposit tetap bank perdagangan								
1 bulan	3.22	3.20	3.44	3.44	3.44	3.44	3.20	3.20
2 bulan	3.28	3.26	3.48	3.47	3.46	3.45	3.21	3.21
BLR bank perdagangan	6.79	6.75	6.76	6.78	6.79	6.79	6.39	6.39
	Purata pertumbuhan tahunan (%)							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	1.5	1.4	1.5	1.8	1.5	1.6	1.4	1.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)	3.9	5.6	4.1	-1.0	-4.7	-4.7	-4.3	-6.4

1/ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

Jadual 13: BSKL: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada Akhir			
	2000	2001		
	S4	S2	S3	S4
Indeks Harga				
- Komposit	679.64	592.99	615.34	696.09
- EMAS	159.77	142.29	145.84	165.23
- Papan Kedua	132.98	106.93	109.61	134.13
Purata urus niaga harian				
- Jumlah (juta unit)	125.8	121.5	306.8	276.4
- Nilai (RM juta)	352.9	225.6	485.3	427.4
Permodalan pasaran (RM b)	444.35	403.49	411.35	464.98
Bil. Syarikat yang Disenaraikan	795	809	807	812

Jadual 14: Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat

		2000				2001			
		Mar.	Jun.	Sep.	Dis.	Mar.	Jun.	Sep.	Dis.
Permohanan Diterima	Bil.	68	71	75	75	75	75	84	86
	(RM juta)	36,519	39,643	45,939	47,210	47,210	47,379	65,899	66,813
Ditolak / Ditarik balik	Bil.	13	16	18	21	21	21	22	23
	(RM juta)	2,760	3,823	4,073	7,826	7,826	7,826	9,516	10,069
Layak untuk distruktur semula	Bil.	55	55	57	54	54	54	62	63
	(RM juta)	33,759	35,820	41,866	39,384	39,384	39,553	56,383	56,744
Telah Diselesaikan*	Bil.	19	25	30	33	35	37	36	42
	(RM juta)	14,061	18,346	24,039	26,431	26,771	28,531	28,161	35,386
Belum Diselesaikan**	Bil.	36	30	27	21	19	17	26	21
	(RM juta)	19,698	17,474	17,827	12,953	12,613	11,022	28,222	21,358

* Termasuk kes yang telah diambilalih oleh Danaharta dan telah diselesaikan
** Termasuk kes yang telah diambilalih oleh Danaharta tetapi belum diselesaikan

Jadual 15: Danaharta

	2000			2001			
	Jun.	Sep.	Dis.	Mar.	Jun.	Sep.	Dis.
Jumlah Hak Milik Pinjaman yang Diambil Alih (RM juta)	46.8	46.8	47.5	48.0	48.0	48.1	47.7
- Diambil Alih	*20.5*	*20.5*	*20.4*	*20.4*	*20.1*	*20.1*	19.8
- Di bawah Pengurusan	*26.3*	*26.3*	*27.1*	*27.6*	*27.9*	*28.0*	27.9
Jumlah Hak Milik Pinjaman yang Diambil Alih (RM juta)	46.8	46.8	47.5	48.0	48.0	48.1	47.7
- Telah Distruktur Semula / Telah Menerima Kelulusan untuk Distruktur Semula	31.5	33.7	35.1	38.7	39.1	40.1	47.7
- Belum Distruktur Semula	15.3	13.1	12.4	9.3	8.9	8.0	**
Anggaran Nisbah Pulangan Purata (%) [1]	73	74	66	60	57	57	56

** Terlalu kecil

[1] Secara amnya, purata nisbah pulangan mempamerkan arah aliran yang menurun oleh kerana pinjaman-pinjaman yang lebih mudah (iaitu yang lebih berpotensi untuk dipulihkan) telah ditangani terlebih dahulu.

Sumber: Pengurusan Danaharta Nasional Berhad

Jadual 16: Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan

	2000				**2001**			
	Mar.	**Jun.**	**Sep.**	**Dis.**	**Mar.**	**Jun.**	**Sep.**	**Dis.**
Modal								
Nisbah Modal Asas (%)	10.6	10.7	10.8	10.7	10.2	10.5	10.6	10.8
RWCR (%)	13.0	13.0	13.1	12.5	12.1	12.6	12.5	12.8
NPL Bersih (Klasifikasi 6 bulan)								
Sistem Perbankan (%)	6.3	6.5	6.7	6.3	7.1	8.0	8.2	8.1
Sistem Perbankan (RM juta)	23,553	24,574	25,858	24,700	27,989	32,292	32,995	32,775
Peruntukan am / Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam.